SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS : 84 /2026

YB TIMBALAN MENTERI BELIA DAN SUKAN SEMARAKKAN PELAKSANAAN PROGRAM KIBAR PERINGKAT NEGERI TERENGGANU TAHUN 2026

30 OKTOBER 2026

1. YB Mordi Bimol, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah hadir ke program Kembara Inspirasi Belia Akar Umbi (KIBAR) Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2026 bertempat di Kompleks Sukan Air Negeri Terengganu, Pulau Duyong, Kuala Terengganu, hari ini.

2. Penganjuran majlis juga diserikan dengan kehadiran YBrs. Encik Abd Aziz Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Sukan) JBSN dan YBrs. Encik Asmadi Mohamad, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu.

3. KIBAR merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) yang dirangka melalui pendekatan lebih segar, inklusif dan berimpak tinggi bagi memperkasa dan memperkukuhkan golongan belia akar umbi, khususnya belia tidak berpersatuan.

4. Pelaksanaan program ini juga bertujuan menggalakkan penyertaan belia dalam ekosistem persatuan, mendekatkan belia dengan kepimpinan kerajaan, membuka ruang penyampaian aspirasi secara langsung serta meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab terhadap pembangunan negara.

5. Penganjuran KIBAR kini sedang giat berlangsung di seluruh negara dengan keseluruhan 17 siri. Pendekatan ini bagi memastikan capaian program yang menyeluruh termasuk kawasan luar bandar dan pedalaman.

Untuk maklumat lanjut berkaitan siaran media ini, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan di talian 03-8871 3000 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my

6. Pelaksanaan program KIBAR turut digerakkan melalui kerjasama pelbagai agensi dan rakan strategik antaranya Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KBS, Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan Majlis Belia Malaysia (MBM).

7. Antara pengisian utama program adalah “town hall” khas, perkongsian belia berpersatuan, pendidikan demokrasi, jejak prihatin, khidmat komuniti kesukarelawanan belia dan sukan rakyat.

8. Pelaksanaan KIBAR dijangka memberi impak positif melalui peningkatan penyertaan belia dalam berpersatuan dan komuniti, pengukuhan hubungan antara belia dan kepimpinan negara, pembentukan belia berdaya saing serta pemerkasaan suara belia dalam pembangunan nasional.

9. KBS juga berharap pelaksanaan KIBAR menjadi pemangkin kepada gerakan pembangunan belia yang progresif, inklusif dan berdaya tahan demi masa depan negara seiring dengan Model Pembangunan Belia MADANI 2030, Pelan Tindakan Pembangunan Belia Malaysia 2035 dan kerangka Malaysia MADANI.

10. Bagi mendapatkan maklumat lanjut dan terperinci mengenai program ini, sila hubungi Jabatan Belia dan Sukan Negeri menerusi direktori di portal www.jbsn.gov.my. Selain itu, JBSN juga boleh dihubungi menerusi talian 03-8871 3293 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

MALAYSIA MADANI